



**JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Tawaran:

05/JPD/JKSH/2025-2026

Tajuk Projek:

24 MONTHS TERM MAINTENANCE OF GRASS AND TREE CUTTING FOR
LAND TRANSPORT DEPARTMENT

Yuran Tawaran:

BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa

20 Mei 2025

Jam 2.00 Petang

Tatacara Tawaran:

1. Tawaran adalah dipelawa bagi syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Borang dan dokumen tawaran serta pembayaran yuran dokumen sebanyak **BND10.00** (Ringgit Brunei Sepuluh Sahaja) bolehlah diperolehi/dijelaskan seperti keterangan berikut:-

Alamat:

Tingkat 4

Unit Kewangan & Perbekalan
Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Darat
Kampung Mata-Mata Gadong, BE1710
Negara Brunei Darussalam

Waktu Kaunter Pembayaran:

Isnin hingga Khamis dan Sabtu

8.00 pagi – 11.30 pagi

1.30 petang – 3.00 petang

Tutup pada Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam

3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed), tanpa menunjukkan identiti atau logo penender serta perlu dinyatakan dengan:

**24 MONTHS TERM MAINTENANCE OF GRASS AND TREE CUTTING FOR
LAND TRANSPORT DEPARTMENT**

Rujukan Tawaran :

05/JPD/JKSH/2025-2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 20 Mei 2025, sebelum 2.00 Petang

Kepada:
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Aras Bawah, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

4. Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan kedalam **Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil** yang beralamat di atas **tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 20 Mei 2025**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan
5. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Borang Pengakuan Penender yang disertakan bersama juga mestilah diisi dengan lengkap. Tawaran yang tidak mengikut kehendak di Para 3, tidak akan diterima walaupun dihantar sebelum tarikh dan waktu yang dinyatakan.
6. Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Pegawai dan Kakitangan Kerajaan tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang terendah ataupun apa-apa jua bentuk tawaran. Sebarang keputusan mengenai tawaran sebutharga yang dikeluarkan adalah muktamad. Sebarang surat menyurat mengenai keputusan tawaran ini tidak akan dilayan.
8. Syarikat yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu Lembaga Tawaran Negara (LTN), rujukan LTN/4 (39/1997).